

## **JALAN LURUS ISLAM DEMI BAHAGIA DI DUNIA DAN AKHIRAT - UST H ALI H MOHAMED**

ISLAM menyelamatkan manusia daripada hidup kegelapan kepada hidup bersinar.

Hal ini terpapar dengan jelas dalam maksud firman Allah pada Surah al-Baqarah ayat 257: **“Allah Pelindung orang-orang yang beriman; Dia mengeluarkan mereka dari kegelapan kepada cahaya.”**

Jalan cahaya Islam merupakan matlamat teras dan kewajiban setiap Muslim. Ia terpahat dalam ikrarnya setiap kali membacakan Surah al-Fatihah, ayat 6: **“Hidayahkanlah kami jalan yang lurus.”**

Jalan lurus (sirat al-mustaqim) merupakan laluan kesederhanaan yang diberikan khusus untuk umat Rasulullah saw sebagai ummatan wasatan iaitu ummat yang sederhana. Baginda pernah menggambarkan jalan yang lurus ini dengan contengan di tanah yang menunjukkan bahawa jalan pertengahan ini banyak simpang siur atau elemen radikalnya yang senantiasa ingin menyimpangkan manusia.

Faham radikal bak kuman (virus) yang tidak terlihat mata tetapi senantiasa menimbulkan kesan maut.

Orang Islam perlu dikebalkan (imunisasi) agar terhindar daripada bahana kuman ini.

Tetapi bagaimana caranya?

### **MEMAHAMI MISI SEBENAR ISLAM**

Yang pertama dan utama, kita perlu memahami misi seorang Muslim. Kisah pensyarah undang-undang yang terjerat menjadi radikal kerana berusaha mencari jalan mudah untuk membersihkan diri dari kemungkarana masa lampau.

Kehidupan dulunya berbeza dengan majoriti masyarakat Islam Singapura. Selepas tergerak mengubah hidupnya, beliau tersalah langkah sehingga terpersuk dalam jerat ‘jihad global’. Oleh itu, pensyarah tadi bak beralih dari satu ekstrem sosial kepada satu ekstrem agama.

Membasmi sifat melampau merupakan kewajipan Muslim. Jika tidak dilakukannya sendiri atau dengan bantuan keluarga, saudara-mara, sahabat dan masyarakat, dikhawatir ia akan terus terpersik dan merugikan diri dan masyarakatnya.

Apabila kita terpanggil untuk menjadi lebih teguh menghayati Islam, maka kita perlu garap contoh yang terbaik. Tiada lain contoh itu ialah pada diri Rasulullah saw. Hal ini terpapar dalam maksud firman Allah swt di dalam Surah Al-Qalam, ayat 4: "**Dan sesungguhnya kamu (wahai Muhammad) benar-benar berbudi pekerti yang agung.**"

Keperibadian agung Nabi Muhammad bukan saja diakui oleh Maha Pencipta Alam Semesta, bahkan para sarjana bukan Islam. Tegasnya, visi dan misi seorang Muslim adalah berusaha agar hidupnya sedapat mungkin mencontohi keperibadian Rasulullah saw dan dia berakhlik dengan akhlak Rasulullah sa.w. sepertimana sabda Rasulullah saw sendiri: "Sesungguhnya daku diutuskan untuk menyempurnakan kemuliaan akhlak/budi pekerti." (Hadis riwayat Bukhari, Ahmad, al-Hakim)

Apabila kita mencontohi yang terbaik, maka baiklah pemikiran dan tingkah laku itu. Kita akan menjadi penabur kebaikan untuk seluruh alam bak yang dipaparkan oleh baginda.

## **TUJUAN HIDUP MUSLIM**

Kesesatan boleh berlaku pada sesiapa jua. Dalam kes pensyarah undang-undang tadi, yang walaupun terpelajar, namun tersesat dalam memahami tujuan hidup sebagai orang Islam.

Niatnya pada mulanya baik – beralih daripada hidup sosial yang ekstrem kepada kehidupan beragama. Malangnya, dia tersilap langkah. Jalan mengorbankan nyawa atas landasan jihad di Afganistan bukanlah jalan menebus dosa yang lalu atau mensucikan diri. Memang setiap Muslim disuruh berjihad. Jihad erti berusaha gigih untuk menjadikan hidup yang lebih baik. Ia bermula dengan melawan kerakusan nafsu, kejahilan fikiran serta kekejaman jiwa dan perbuatan ke jalan yang diredhai Allah swt. Hidup yang lebih baik bukan saja untuk akhirat tetapi juga untuk dunia (kemakmuran dan kebahagian).

Ini berlandaskan firman Allah swt di dalam surah at-Taubah ayat 112: “**Mereka itu adalah orang-orang yang bertaubat, yang beribadah, yang memuji (Allah), yang senantiasa mencari jalan mendekatkan diri kepada Allah, yang rukuk, yang sujud, yang menyuruh berbuat makruf dan mencegah berbuat mungkar dan yang memelihara hukum-hukum Allah. Dan gembirakanlah orang-orang mukmin itu.**”

Rasulullah saw pernah diberitahu tentang seorang wanita yang berpuasa sehari dan bersolat semalam, tetapi akhlaknya buruk sehingga jirannya sering terhiris dek kata nistanya. Rasulullah saw bersabda bahawa tiada kebaikan pada diri wanita itu dan beliau tergolong dari golongan penduduk neraka.

Setiap manusia itu dijadikan dalam keadaan fitrah iaitu keadaan yang dinamakan *khaaliyyan saadhijan* atau keadaan bersih, murni dan jujur. Kemudian Allah swt memperkayakannya dengan pancaindera untuk merasa, melihat, menghidu, dan memegang. Apabila insan memasuki peringkat *tamyiz* iaitu sekitar tujuh tahun, ia diberikan kebolehan membezakan antara baik atau buruk, betul atau salah.

Manusia itu langsung dewasa apabila akalnya tumbuh sehingga dia tahu apa yang wajib dilakukan, apa yang mustahil di dalam hidupnya, dan pelbagai kemampuan akal yang mengemudi hidupnya. Proses pendidikan dan pengalaman hidup mendewasakan akalnya. Bahkan, Allah swt memperkaya manusia dengan unsur jiwa – hati yang merapatkan hubungannya sesama manusia dan Pencipta-nya.

Sebagai rahmat seluruh alam, hanya Rasulullah saw berjaya sepenuhnya sebagai insan agung (kamil) yang sempurna pancaindera, kefahaman, akal dan jiwanya atas jalan kebenaran dan kesederhanaan. Maka kehidupan Rasulullah saw dijadikan acuan bagi setiap manusia Muslim mencetak dirinya dengan harapan agar hidupnya diberkati dan direhái Allah swt.

#### **HILANGKANLAH SINDROM BENCI**

Di dalam Islam, jihad bererti bersungguh-sungguh untuk menjayakan hidup dunia dan kejayaan akhirat. Apabila ditanya tentang orang mukmin yang terbaik imannya, Rasulullah saw menjawab bahawa orang yang terbaik imannya itu mempunyai pekerti yang mulia.

Ibn Umar telah memetik kisah seorang sahabat Nabi yang telah meminta izin dari Nabi Muhammad saw untuk bersama baginda berperang. Rasulullah saw bertanyanya: “**Adakah ibu bapamu masih hidup?**” “Ya”, jawab beliau. Kemudian Rasulullah saw mengatakan: “**Pulanglah dan berjihadlah untuk mereka.**” (Hadis riwayat Al-Bukhari, Abu Daud, An-Nasa'i dan At-Tirmizi). Antara lain, hadis ini boleh dikiaskan membawa maksud tanggungjawab kepada ibu bapa dan anak-anak serta isteri merupakan bentuk jihad yang lebih utama.

Oleh itu, erti jihad amat luas. Kita perlu jelas apakah yang kita perjuangkan sehingga tidak terjatuh ke dalam kancang tipu daya golongan ekstrem. Perjalanan pensyarah muda itu untuk beraksi di dalam peperangan di Afghanistan tidak berasaskan anjuran agama. Ia lebih berbentuk melepaskan rasa benci dan marah, serta tersalah menafsirkan kewajiban tersebut atas dirinya. Tetapi mengapakah timbul rasa atau sindrom benci?

Padahal, setiap Muslim dikehendaki bersikap *'ibadurrahman* iaitu hamba-hamba Allah yang bersifat penyayang yang dinyatakan di dalam surah Furqan ayat 63: “**Dan hamba-hamba Tuhan Yang Maha Penyayang itu (ialah) orang-orang yang berjalan di atas bumi dengan rendah hati dan apabila orang-orang jahil menyapa mereka, mereka mengucapkan kata-kata yang baik.**”

Kebencian mesti digantikan dengan rasa rahmah sebagaimana diperintahkan Allah swt kepada Nabi Musa dan adiknya, Nabi Harun disuruh menemui Firaun yang amat zalim dan angkuh mengaku dirinya tuhan. Ia terpapar pada maksud Surah Taha ayat 43-44: “**Pergilah kamu berdua kepada Firaun, sesungguhnya dia telah melampaui batas; maka berbicaralah kamu berdua kepadanya dengan kata-kata yang lemah lembut, mudah-mudahan ia ingat atau takut.**”

Islam juga melarang kita memaki hamun, maupun mengeji sembah-sembahan seperti terkandung di dalam Firman Allah swt ayat 108 Surah Al An'am: “**Dan janganlah kamu memaki sembah-sembahan yang mereka sembah selain Allah, kerana mereka nanti akan memaki Allah dengan melampaui batas tanpa pengetahuan.**”

## **Meniti Hari Depan**

Faham pelampau bukan baru dan akan berterusan hingga akhir zaman. Oleh itu, umat Islam selaku golongan pertengahan dan menyampaikan salam damai perlu berperanan ‘global’. Daripada Al-Quran, Sunah, Ijmak dan Sejarah, umat Islam sudah dibekalkan dengan panduan berikut untuk diteladani:

*Iman dan I'tiqad* yang menjadi kepercayaan dan pegangan seorang Muslim itu mestilah berdasarkan fahaman dan kepercayaan dari sumber yang benar. Kita perlu berhati-hati dalam menuduh dan menghukumkan ‘kafir’ terhadap seseorang. Takfir tidak dibenarkan oleh Islam.

Dalam amalan agama, seseorang Muslim itu bebas untuk mengamalkan apa yang dipelajari selagi tidak bercanggah dengan tradisi keilmuan yang diakui oleh ulama. Ini harus dilaksanakan tanpa mengata-ngata, memperkecil dan menyalahkan pihak yang berbeza pandangannya dengan kita, supaya perpaduan terjamin sesama masyarakat Islam. Pada masa yang sama, amat penting bagi kita untuk menolak sama sekali fahaman dan pengamalan ekstrem dan segala gejala yang tidak baik dengan tulus, nyata dan tegas. Amalan hormat-menghormati dan kasih sayang amatlah diperlukan antara satu sama lain. Dengan adanya sifat murni ini, masyarakat akan hidup dalam penuh persefahaman yang baik.

Kita perlu senantiasa berusaha membina pemikiran kita. Martabat sesuatu bangsa dan agama disandarkan pada ilmu dan kematangan umatnya. Pelbagai peluang menimba ilmu dan pendidikan di negara kita ini seharusnya kita rebut dan manfaatkan bersama.

Kita harus menunjukkan Ihsan dalam perilaku dan tindakan kita. Ihsan terpapar pada sifat rahmat iaitu kasih sayang dan penonjolan akhlak yang baik kepada semua sama ada orang Islam atau yang bukan Islam. Islam adalah agama yang menjadi rahmat buat semua. Inilah dasar utama yang perlu kita senantiasa imani di dalam hidup sebagai Muslim. Tidak mungkin orang ekstrem bersifat dengan sifat ihsan. Ketinggian aspek kerohanian ihsan ini tidak boleh sekali-kali diketepikan. Ia lebih jauh berharga daripada nilai kebendaan yang akan musnah juga.

Berlumba-lumba memakmurkan dunia kerana ini menjadi tanggungjawab setiap Muslim.

Itulah tujuan insan diciptakan Allah swt untuk memajukan bumi Allah ini. Seorang Muslim seimbang dalam gigih berusaha dalam mempertingkat urusan dunianya dan akhiratnya.

Pengaruh negatif perlu kita bentengi bersama. Masalah-masalah sosial yang mencengkam masyarakat kita harus terus ditangani dengan bersungguh-sungguh, supaya masyarakat kita dipandang mulia dan generasi kita terjaga.

Syukurilah kehadiran kita di negara yang maju dan makmur. Mencintai negara adalah wajib kerana ia tanah tumpah darah kita, tanah yang kita diamai, menjadi sumber nafkah, berinteraksi sesama insan, memperluaskan zuriat kita, dan mengamalkan amalan agama kita. Mungkin-mungkin juga bumi ini tempat pengebumian kita satu hari nanti. Maka kita perlu senantiasa menjaga keselamatan, kesejahteraan, keamanan dan keharmoniannya bersama.

Dengan mengamalkan sifat-sifat tadi, setiap Muslim di sini akan berjaya menjadi Muslim yang baik -- Muslim yang hidup dalam suasana harmoni dan bersefahaman dalam sebuah negara kecil, sekular dan berbilang bangsa. Dalam menjalankan amanah dan tugas sebagai hamba Allah dan warga Singapura, harus difahami bahawa menjaga keselamatan dan keharmonian agama adalah tanggungjawab bersama. Kita perlu gigih membentengi diri daripada faham pelampau dan siap siaga menangani kesesatan. Tanggungjawab ini menuntut peranan bersama, tanpa mengira kaum dan agama. Semoga kita dapat menjana dan membangunkan sebuah masyarakat dan negara yang maju dan berjaya.